

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT PERGIAT JELAJAH PROMOSI PROGRAM KITARECYCLE

MELAKA, 23 OGOS 2020 – SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) terus mempergiatkan jelajah memperkenalkan program KITAREcycle dalam usaha menggalakkan masyarakat mempertingkatkan amalan kitar semula di kediaman masing-masing.

Kali ini, kaunter pameran dan pendaftaran KITAREcycle dibuka di Freeport A' Famosa Outlet, Alor Gajah bersempena kempen Let's Do It Right dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata, melalui program KITAREcycle ini, aktiviti kitar semula menjadi lebih menarik dengan pemberian mata ganjaran yang boleh ditebus kepada tunai melalui perbankan dalam talian.

“Dalam masa yang sama, program ini juga bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pembudayaan 3R (Reduce, Reuse, Recycle). Sudah tiba masanya kita menjadikan Pengasingan Sisa Di Punca serta kitar semula sebagai amalan dalam kehidupan seharian”.

“KITAREcycle turut bertujuan untuk mewujudkan komuniti yang prihatin terhadap alam sekitar serta dapat menguruskan sisa yang dijana dengan baik serta berhemah. Ahli KITAREcycle yang berdaftar akan diberikan mata ganjaran bagi pengumpulan 25 jenis barangan kitar semula seperti kertas, tin aluminium, plastik serta sisa elektrik dan elektronik,” katanya.

Tambahnya, pendaftaran KITAREcycle amat mudah melalui laman web www.kitarecycle.com ataupun melalui aplikasi untuk pengguna telefon pintar Android.

“Setelah mendaftar, pengguna akan memiliki kod QR unik tersendiri yang mengandungi nombor pendaftaran ahli yang perlu dicetak atau ditulis untuk ditampal pada bungkusan yang mengandungi barangan kitar semula. Barangan kitar semula tersebut boleh dihantar ke pusat pengumpulan KITAREcycle seperti cawangan utama SWM Environment dalam setiap negeri, sangkar awam KITAREcycle di tempat yang tertumpu, atau melalui perkhidmatan Kutipan +1 yang merangkumi kutipan barangan kitar semula sebanyak sekali seminggu di kawasan kediaman masing-masing.

“Pihak SWM Environment akan melakukan timbangan dan merekod data sisa kitar semula untuk tujuan pemberian mata ganjaran. Pengguna boleh menyemak nilai mata ganjaran dan menebusnya secara tunai dengan menggunakan aplikasi KITAREcycle atau di laman web www.kitarecycle.com,” katanya.

Jelas beliau lagi, selepas dua tahun KITAREcycle dilancarkan, program ini semakin mendapat sokongan daripada pelbagai lapisan masyarakat.

“Selain pendaftaran KITAREcycle, SWM Environment juga aktif mengadakan taklimat kesedaran awam dan pameran berkaitan tatacara dan kepentingan amalan pengasingan sisa di punca melibatkan agensi-agensi kerajaan dan swasta, pihak berkuasa tempatan (PBT), pusat pendidikan dan pengajian tinggi, pusat komuniti dan tempat-tempat tumpuan awam.



Semoga usaha ini dapat menyampaikan maklumat yang tepat berkenaan tatacara pengurusan barang kitar semula dengan betul dan memastikan masyarakat menerima manfaat daripadanya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai KITAREcycle boleh melayari laman web www.kitarecycle.com ataupun hantar mesej WhatsApp kepada 012 618 0082.

-TAMAT-

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Google Play*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Noor Che Wah Ramli

Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat

SWM Environment Sdn Bhd

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,

Kawasan Perindustrian Cheng,

75250 Melaka.

(Tel) 06-3350191

(Faks) 06-3350117